

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR
[POKOK SENA]**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR [POKOK SENA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

(a) beberapa hasil pendapatan Kerajaan dari cukai ke atas 22 kali cabutan khas perjudian nombor ramalan dan berapa hasil pendapatan Kerajaan dari cukai semua jenis perjudian; dan

(b) adakah hasil cukai perjudian dimasukkan ke dalam akaun Kumpulan Wang Disatukan.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang telah dikemukakan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan hasil cukai ke atas cabutan khas perjudian nombor ramalan sehingga 31 Oktober 2021 adalah RM49.99 juta. Sebagai perbandingan, jumlah kutipan bagi tahun 2020 ialah sebanyak RM72.53 juta dan bagi tahun 2019 pula, sebanyak RM113.29 juta. Jumlah kutipan bagi aktiviti perjudian yang dilesenkan sehingga 31 Oktober 2021 pula, ialah RM834.46 juta berbanding kutipan tahun 2020 sebanyak RM1.72 bilion dan 2019 sebanyak RM3.44 bilion. Sekian, terima kasih.